



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SELASA 2 FEBRUARI 2021**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	ELAUN SARA HIDUP NELAYAN DIBAYAR MULAI SEMALAM, NASIONAL, BH -16	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
2.	LPNM SUMBANG 5 TAN NANAS, KOMUNITI KITA, UM -42	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
3.	KAWASAN MUDA HASILKAN PADI RM1.87 BILION, NEGARA, KOSMO -16	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
4.	1.204 JUTA METRIK TAN HASIL PADI DI KEDAH TAHUN LALU, UM -ONLINE	
5.	100,000KG SAYUR SEGAR SAMPAI LEWAT, COVID-19, UM -8	LAIN-LAIN
6.	'SUNGAI SEGARI SITE APPROVED FOR PRAWN FARMING SINCE 2019', NEWS IN BRIEF, NST -15	
7.	'NO TIME LIMIT ON USE OF IDLE LAND FOR AGRICULTURE IN PERAK', NEWS IN BRIEF, NST -15	
8.	ARNAB 'KESAYANGAN' UBAH KEHIDUPAN, WARNA-WARNI KEHIDUPAN, SH -18	
9.	GUNA TEKNOLOGI IOT, GAYA TANI, UM -24	
10.	DULU DESPATCH KINI JUTAWAN CILI MERAH, GAYA TANI, UM -24	
11.	JOM TANAM CILI JANA PENDAPATAN, GAYA TANI, UM -25	
12.	2021 TAHUN PERTANIAN TERENGGANU, FIKRAH, HARAKAH -F1	
13.	TINGKAT TAHAP SARA DIRI MAKANAN RUJI 53 PERATUS - DR SAMSURI, 2021 TAHUN PERTANIAN TERENGGANU, FIKRAH, HARAKAH -F2	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/2/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	16

## + Elaun Sara Hidup Nelayan dibayar mulai semalam

**Kuala Lumpur:** Bayaran Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) yang dinaikkan daripada RM250 kepada RM300 sebulan, dibayar kepada 35,000 nelayan seluruh negara mulai semalam.

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dalam satu kenyataan, berkata elaun yang dibayar itu adalah bagi bayaran Januari .

Katanya, elaun itu selaras dengan usaha kerajaan yang prihatin dengan nasib nelayan di negara ini.

“Bantuan EHSN itu dapat meringankan beban masyarakat nelayan terutama berdepan dengan pandemik COVID-19, serta musim tengkujuh yang dijangka berterusan sehingga Mac depan,” kata kenyataan itu.

Dalam Belanjawan 2021, sebanyak RM151 juta diperuntukkan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan bagi tujuan pelaksanaan program bantuan nelayan termasuk program ESHN.

Pada 2020, seramai 35,894 nelayan menerima agihan bayaran ESHN berjumlah lebih RM101 juta.

ESHN adalah program bantuan dalam bentuk kewangan yang diberikan setiap bulan kepada pemilik vesel perikanan dan pekerja (awak-awak) yang layak dan berdaftar.



## LPNM sumbang 5 tan nanas

LEMBAGA Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) menyumbang sebanyak lima tan buah nanas kepada mangsa banjir di Pahang serta pasukan barisan hadapan sebagai satu bentuk sokongan moral bagi mengembalikan semangat dan keceriaan kepada mereka yang ditimpa musibah tersebut.

Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) LPNM, Mohd. Khairuzamri M. Salleh berkata, pihaknya turut menyumbang kit nanas sebanyak 120 kotak yang berisi dapur gas mini, tepung, gula serta produk-produk makanan berasaskan nanas kepada mangsa-mangsa banjir.

"Sumbangan buah nanas ini diagihkan kepada mangsa-mangsa banjir di Kuala Lipis, Maran dan Jerantut di Pahang serta kepada barisan hadapan negara iaitu Jabatan Kesihatan, Polis Diraja Malaysia serta Jabatan Penjara di Johor Bahru.

"Sumbangan ini juga

merupakan satu bentuk promosi kepada masyarakat untuk mengamalkan pemakanan nanas setiap hari yang mempunyai banyak khasiat dan nutrisi seperti kandungan vitamin C yang tinggi, vitamin B6, Folate, Thiamin, potasium serta enzim bromelin yang dapat memanfaatkan tubuh badan manusia," katanya.

Mohd. Khairuzamri berkata, sumbangan yang diberikan itu adalah inisiatif Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan (MAFI) yang akan diteruskan kepada barisan hadapan termasuk kakitangan hospital serta pusat kuarantin di bawah Kementerian Kesihatan.

■ MOHD. Khairuzamri M. Salleh (kanan) menyerahkan sumbangan buah nanas MD2 kepada Ketua Polis Daerah Johor Bahru Utara, Asisten Komisioner Rupeah Abd. Wahid di Ibu Pejabat Polis Daerah Johor Bahru Utara, Johor.

# Kawasan Muda hasilkan padi RM1.87 bilion

**ALOR SETAR** - Pengeluaran padi di kawasan Muda meningkat sebanyak 43 peratus pada tahun lalu dengan purata hasil yang dikeluarkan sebanyak 1.204 juta metrik tan bernilai RM1.87 bilion.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Ahmad Tarmizi Sulaiman berkata, peningkatan pada tahun lalu lebih tinggi berbanding 40 peratus pada tahun 2018.

Kata beliau, pihaknya sentiasa optimis untuk terus menjadi penyumbang utama pengeluaran padi negara melalui pelbagai program yang dijalankan.

"Tahun ini, MADA telah melaksanakan Projek Estet Padi di bawah program National Key Economic Area (NKEA) EPP 10 yang menyasarkan peningkatan hasil padi bagi setiap hektar kawasan sawah padi.

"Kesisambungan program ini diteruskan dengan pelaksanaan Program Penanaman Padi Skala Besar (PPSB) yang dimulakan pada tahun lalu sebagai pemangkin kepada peningkatan hasil padi," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Kata beliau, sebagai langkah ke hadapan melalui Rancangan

pat meningkatkan pengeluaran padi dan pendapatan peladang sekaligus menjamin keselamatan pengeluaran makanan negara dengan sokongan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan serta Kerajaan Negeri Kedah dan Perlis.

Dalam pada itu, menurutnya, kawasan asal kawasan Muda adalah seluas 96,558 hektar iaitu 77,882 hektar di Kedah dan 18,676 hektar di Perlis.

"Mengikut rekod MADA, kawasan sawah padi dalam Kawasan Muda yang telah diluluskan ubah syarat oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) sejak tahun 1970 hingga 2020 adalah seluas 8,389.02 hektar.

"Pada tahun 2009, Kerajaan Negeri Kedah telah mewartakan tambahan seluas 2,730 hektar kawasan penanaman padi sebagai Kawasan Muda dan pada ini, kerajaan negeri Perlis turut mewartakan seluas 1,397 hektar kawasan penanaman padi sebagai Kawasan Muda," katanya.

Tambahnya, pewartaan kawasan pinggir MADA itu menjadikan keseluruhan parcel padi di kawasan Muda adalah seluas 100,685 hektar.



**PENANAMAN padi di kawasan Muda seluas lebih 8 juta hektar.**

Malaysia Ke-12, MADA akan memfokuskan kepada penggunaan teknologi IR4.0 seperti Sistem Maklumat Geografi (GIS) untuk sistem membuat keputusan dan amaran awal, teknologi pertanian tepat bagi pengurusan ladang yang lebih cekap dan pembangunan peladang

muda sebagai generasi pelapis. "Kita menjangkakan purata pengeluaran hasil padi di Kawasan Muda dapat ditingkatkan kepada 6.50 metrik tan sehektar menjelang tahun 2025," ujarnya.

Tambahnya, MADA yakin langkah yang dirancang itu da-

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/2/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

## 1.204 juta metrik tan hasil padi di Kedah tahun lalu



ALOR SETAR: Pengeluaran hasil padi di kawasan sawah di bawah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) mencecah sebanyak 1.204 juta metrik tan bernilai RM1.87 bilion pada tahun lalu.

Pengerusi MADA, Ahmad Tarmizi Sulaiman berkata, jumlah pengeluaran hasil padi di kawasan MADA itu meningkat kepada 43 peratus pada tahun lalu berbanding sekitar 40 peratus pada tahun 2018.

Menurutnya, hasil pengeluaran hasil padi itu meliputi kawasan MADA seluas 100,685 hektar.

Katanya, purata hasil padi yang dikeluarkan pula sebanyak 5.98 metrik tan per hektar pada tahun lalu.

"Pihak MADA sentiasa optimis untuk terus menjadi penyumbang utama kepada pengeluaran padi negara melalui pelbagai program yang telah, sedang dan akan dilaksanakan," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau mengulas laporan muka depan Mingguan Malaysia, Ahad lalu yang mendedahkan mengenai 'kehilangan' kira-kira 35,000 hektar tanah sawah di Kedah selepas ditukar kepada kegunaan lain seperti pembangunan industri dan perumahan dalam tempoh 10 tahun lalu.

Ahmad Tarmizi memberitahu, pada tahun 2011, MADA telah melaksanakan Projek Estet Padi di bawah program National Key Economic Area (NKEA) EPP 10 yang menyasarkan peningkatan hasil padi bagi setiap hektar kawasan sawah padi.

Tambahnya, kesinambungan program itu diteruskan dengan pelaksanaan Program Penanaman Padi Skala Besar (PPSB) yang dimulakan pada tahun 2020 sebagai pemangkin kepada peningkatan hasil padi.

"Program ini mensasarkan penglibatan usahawan padi, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan pihak syarikat berkaitan kerajaan (GLC) bagi mengusahakan sawah padi di dalam skala yang besar," ujarnya.

Beliau menambah, sebagai langkah ke hadapan melalui Rancangan Malaysia Ke-12, MADA akan memfokuskan kepada penggunaan teknologi IR4.0 seperti Sistem Maklumat Geografi (GIS) dalam membuat keputusan dan amaran awal, teknologi pertanian tepat bagi pengurusan ladang yang lebih efisien dan pembangunan peladang muda sebagai generasi pelapis.

Katanya, purata pengeluaran hasil padi di Kawasan Muda dijangka dapat ditingkatkan kepada 6.50 metrik tan sehektar menjelang tahun 2025.

"MADA yakin langkah yang dirancang ini dapat meningkatkan pengeluaran padi dan pendapatan peladang, sekali gus menjamin keselamatan pengeluaran makanan Negara dengan sokongan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan serta kerajaan negeri Kedah dan Perlis," tambahnya. -UTUSAN ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/2/2021	UTUSAN MALAYSIA	COVID-19	8

# 100,000kg sayur segar sampai lewat

**Johor Bahru:** Langkah Singapura mengetatkan prosedur dengan mewajibkan Ujian Rapid Antigen (RTK) menyebabkan berlaku kesesakan luar biasa di Tambak Johor dan Laluan Kedua Malaysia-Singapura sejak minggu lalu.

Keadaan itu menyebabkan hampir 100,000 kilogram sayuran segar lewat dihantar ke republik itu apabila lori kargo terpaksa menunggu lebih lima jam dalam kesesakan teruk.

Pengerusi Persekutuan Persatuan Pekebun Sayur Malaysia, Lim Ser Kwee berkata, pihaknya menerima banyak aduan daripada ahli berikutan bekalan sayur segar yang tiba lewat ke pasaran republik berkenaan dibimbangi menjejaskan jualan bekalan berkenaan.

Katanya, hampir 100 lori membawa sayuran segar akan memasuki Singapura dari Malaysia dengan semuanya perlu bertolak antara jam 3 atau 4 pagi setiap hari untuk tiba antara jam 6 hingga 7 pagi di republik itu.

“Namun apabila Singapura mula mengetatkan prosedur memasuki republik itu dengan mewajibkan ujian RTK, kebanyakan bekalan sayuran segar kini tersasar daripada jadual untuk dijual di pasar dan pasar raya republik berkenaan.

“Jika sebelum ini proses lori kargo sayuran memasuki Singapura hanya mengambil masa antara dua setengah hingga tiga jam sahaja namun kini sudah bertambah kepada lima jam akibat kesesakan di pintu masuk.

“Kini lori kargo membawa sayuran ahli terpaksa bertolak selewat-lewatnya jam 12 tengah malam setiap hari bagi membolehkan bekalan sayur tiba antara jam 5 hingga 7 pagi di Singapura,” katanya ketika dihubungi.

Sejak minggu lalu, pemandu lori dari Malaysia yang membawa muatan keperluan asas ke Singapura dilaporkan berdepan kesesakan teruk di sempadan sehingga ada masanya menecah 10 jam.

## 'Sungai Segari site approved for prawn farming since 2019'

**BERUAS:** A 121ha site in Sungai Segari here belongs to the Perak State Agricultural Development Corporation and has been granted approval for prawn farming since 2019, said Menteri Besar Datuk Saarani Mohamad on Sunday. Saarani, who is also the corporation's chairman, said several processes were involved before the land was given to the corporation, including obtaining input from agencies like the Department of Environment, Irrigation and Drainage Department and Agriculture Department to determine if the area was suitable for prawn farming. He was commenting on a claim by non-governmental organisation Friends of the Earth Activists Association that the area did not have planning permission or earthwork approval to start prawn farming. **Bernama**

## 'No time limit on use of idle land for agriculture in Perak'

**BAGAN DATUK:** The Perak government has not set a time limit for idle land to be used for agricultural development as long as it is carried out as soon as possible. State Plantation, Agriculture and Food Industry Committee chairman Razman Zakaria said those with expertise, knowledge and the ability to cultivate crops could apply to the Perak Agricultural Development Corporation or Perak Development Corporation for a Temporary Occupation Licence. "We do not want those who have received the approval to leave the land idle for a long time." He said the state government had set a period for those who want to develop idle land in the city, but not in rural areas. "In the city, we want people to cultivate cash crops, but in rural areas, they can cultivate any crop." **Bernama**



Baka import yang turut dibela oleh Farez Fazmie.

Ternak arnab dalam kandang pendingin hawa, beri vitamin C

Oleh HAZELYN LIANA KAMARUDIN

#### PASIR PUTEH

**P**ercubaan berani seorang anak muda mengusahakan penternakan arnab berstatus 'kayangan' dari baka New Zealand Red dan California membuahkan hasil apabila ia mampu menjana pendapatan lumayan.

Situasi itu sekaligus meredakan tekanan Farez Fazmie Mustapa, 27, yang hilang kerja sebagai pemandu bot pelancong di Pulau Perhentian, Terengganu akibat pandemik Covid-19 tahun lalu.

Anak kelahiran Kampung Bukit Awang itu berkata, dia nekad untuk berbuat demikian selepas melihat potensi yang ada pada arnab 'kayangan' tersebut jika ditusahakan dengan sebaik mungkin.

"Bermula dengan hanya enam ekor sahaja dan bermodalkan RM10,000, saya kini mampu tersenyum apabila bilangan arnab dari baka itu makin bertambah.

"Kesemua arnab yang diternak ini pula berada dalam keadaan sihat," katanya.

# Arnab 'kayangan' ubah kehidupan



Farez Fazmie menunjukkan arnab 'kayangan' yang dibelanya atau baka New Zealand Red dan California selepas hilang pekerjaan disebabkan Covid-19.

pu menjadi penternak arnab berjaya berbekalkan kesungguhan yang ada.

"Saya turut menternak arnab pedaging dari baka New Zealand untuk dijual sebagai indik.

"Selain itu, saya turut menjual daging untuk dijadikan sebagai arnab golek, penap dan sate. Kesemuanya bagi pasaran seluruh negara," katanya lagi.

Farez Fazmie turut mendedahkan dia sudah nekad untuk meninggalkan laut dan pantai yang sebelum ini menjadi darah dagungnya bagi membuka sebuah ladang ternakan arnab untuk ditusahakan secara komersial.

"Saya lihat ternakan arnab ini mampu memberikan pulangan yang berbaloi kepada saya," katanya.

Katanya, bagi memastikan persekitaran yang disediakan persis negara asal baka berkenaan, dia telah memasang pendingin hawa di dalam kandang bagi memastikan arnab itu selesa.

"Bagi memastikan arnab kekal sihat setiap hari saya akan memberikan vitamin C selain makanan dalam bentuk palet.

"Ia digelar sebagai arnab 'kayangan' kerana penjagaannya yang begitu rumit dan rapi," katanya sambil tersenyum.

Farez Fazmie berkata, walaupun penat namun dia gembira dapat melihat arnab itu membesar dengan sihat.

Menurutnya, dia sama sekali tidak menyangka di sebalik musibah pandemik Covid-19 terselit rezeki apabila dia mam-

Anak muda dari Bukit Awang, Pasir Putih ini tidak pernah menyangka Covid-19 menjadikannya sebagai penternak arnab sehingga mempunyai ratusan ekor arnab pedaging.

nya kepada *Sinar Harian* pada Ahad. Farez Fazmie berkata, arnab dari baka New Zealand Red dan California itu memerlukan penjagaan rapi apabila perlu berada dalam keadaan bersih dan sejuk sebagaimana suhu di negara asalnya.



## Guna teknologi IoT

TERBAHARU kata Norhashim, selepas cukup modal beliau mengguna pakai teknologi IoT (Internet of Thing) atau e-satelit untuk meningkatkan hasil dan meminimumkan kos buruh.

Mengulas lanjut, projek menggunakan teknologi digital ini dimulakan sekitar awal tahun 2018 dan pada peringkat awal ia meliputi sistem membaja sebelum ditambah baik kepada aktiviti meracun.

"Kedua-dua kaedah ini menggunakan sistem penyemburan secara automatik dengan menggunakan *railing* sepanjang 137.16 meter.

"Apabila kaedah ini mampu memberi semburan secara menyeluruh iaitu di bahagian atas dan bawah pokok iaitu daun dan di tanah (akar), barulah kami beralih untuk menggabungkan kedua-dua kaedah tersebut. Semua ini dikawal melalui satu aplikasi berdasarkan IoT," katanya.

Beliau menambah, aplikasi pertanian tersebut,

adalah hasil kerjasama dengan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC).

Norhashim yang menerima anugerah Ikon Agro Selangor 2020 kategori tanaman berkata, walaupun teknologi satelit agak mahal iaitu RM15,000 untuk satu kawasan penanaman namun hasilnya 30 peratus lebih tinggi berbanding secara manual.

"Hasil tuai pertama menggunakan sistem e-satelit perolehan adalah sekitar RM1,500 hingga RM2,000. Peringkat pertama pada fasa awal memang perolehan sedikit kurang.

"Namun tuai kedua dan seterusnya perolehan meningkat 30 peratus kepada RM2,000 hingga RM2,600 setiap kali," katanya.

Pesanan kepada bakal usahawan tani, kata Norhashim, setiap kejayaan ada risiko yang perlu diambil namun dengan ilmu dan teknologi segala usaha insya-Allah berbaloi dengan modal yang dikeluarkan.



NORHASHIM Kamisan memberi arahan menggunakan suara bagi memulakan proses penyiraman tanaman secara kawalan e-satelit.



## Dulu *despatch* kini jutawan cili merah

Oleh ABDUL RAZAK IDRIS  
gayautusan@mediamula.com.my

**K**ALAU tidak dipecah ruyung manakal dapat sagunya. Itulah pegangan hidup usahawan tani,

Norhashim Kamisan, 37, yang kini bertaraf jutawan selepas mengusahakan penanaman cili merah sejak 14 tahun lalu.

Menetap di Kampung Sijangkang, beliau sebelum ini adalah pekerja penghantaran (*despatch*) dalam bidang pemasaran produk jualan langsung yang berpendapatan sederhana.

Katanya, setelah beberapa tahun bekerja dalam bidang tersebut, beliau memberanikan diri terjun ke bidang pertanian dengan mengikuti kursus menanam cili merah yang disediakan pihak berkaitan pertanian.

"Semasa mula mengusahakan penanaman cili merah di tanah milik keluarga semuanya perlu dibuat secara manual daripada proses



Pernah saya tumbang akibat kepenatan meracun. Proses meracun beberapa kali dengan tangki racun seberat 20 kilogram bukan sesuatu yang mudah."

menyemai, membaja, menyiram hingga meracun.

"Pernah saya tumbang akibat kepenatan meracun. Proses meracun beberapa kali dengan tangki racun seberat 20 kilogram (kg) bukan sesuatu yang mudah," katanya ketika ditemui di kebunnya di Sijangkang baru-baru ini.

Norhashim yang juga pemilik syarikat Pewaris Bumi Hijau berkata, kejayaannya memperoleh perolehan tujuh angka bukan mudah 'bak yang



bulat menggelek dan yang pipih melayang'. Sebaliknya, beliau pernah kerugian mencecah RM50,000 dan keluarganya bertanya sama ada usaha penanaman cili merah di atas tanah milik keluarga hendak diteruskan atau tidak.

"Semasa itu saya sedar saya perlu meneruskan perjuangan dalam pertanian dengan mencari kaedah dan teknologi terbaik untuk meningkatkan hasil dan meminimumkan kos," katanya.

Katanya, peristiwa jatuh bangun beberapa tahun lalu mendorongnya untuk menanam cili merah dengan teknologi fertigasi.

Jelasnya, fertigasi asalnya daripada perkataan *fertigation* iaitu gabungan perkataan baja (*fertilizer*) dan pengairan (*irrigation*) yang mana



NORHASHIM Kamisan dan Pengerusi PPK Kuala Langat, Dr. Abdul Razak Khasbullah bergambar dengan sijil Ilkon Agro Selangor 2020 kategori tanaman. - UTUSAN/ABDUL RAZAK IDRIS



KAMERA litar tertutup (CCTV) turut disediakan bagi memantau sistem e-satelit dan anasir luar.

pemberian baja atau nutrien melalui sistem pengairan kepada zon pengakaran tanaman.

"Aplikasi sistem itu membuahkan hasil. Daripada 2,000 polibeg tanaman cili seekor meningkat beberapa kali ganda. Selain tanah milik keluarga saya juga mengusahakan ladang lain. "Hasil yang meningkat

dan kolaborasi dengan pihak seperti Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat memungkinkan saya menambahkan hasil dan memasarkan cili ke pasar raya besar sebanyak satu tan setiap kali penghantaran," ujarnya.

## Jom tanam cili jana pendapatan

KEWUJUDAN usahawan tani seperti Norhashim Kamisan menjadi pendorong kepada kemunculan usahawan tani baharu di Selangor khususnya di Daerah Kuala Langat.

Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat, Dr. Abdul Razak Khasbullah berkata, pihak PPK Kuala Langat bersedia membantu mana-mana pihak untuk menjadi usahawan tani bukan sahaja dalam penanaman cili merah malahan tanaman lain.

"Kita juga bukan sahaja membantu petani dan peladang dalam aspek kaedah penanaman fertigasi, malahan membantu mereka dalam aspek pemasaran.

"Bahkan usahawan tani seperti Norhashim sedia berkongsi ilmu penanaman cili dengan pihak yang berminat," katanya ketika ditemui di Pusat Pengumpulan Hasil Ladang di Teluk Panglima Garang baru-baru ini.

Mengulas penanaman cili fertigasi secara e-satelit yang menguntungkan, beliau berkata, peluang itu seharusnya diambil oleh golongan yang hilang sumber rezeki akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung pandemik Covid-19.

Jelasnya, keuntungan penanaman secara teknologi tinggi berbanding secara penanaman tradisional adalah sebanyak 30 peratus.

"Oleh itu peluang untuk mempelajari ilmu menanam cili secara e-satelit perlu direbut oleh golongan yang kehilangan kerja yang semakin ramai.

"Setakat ini seramai 20 usahawan tani menggunakan teknologi tersebut telah diwujudkan selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Mac lalu.

"Sejumlah 100 orang telah mengikuti kursus penanaman cili fertigasi secara teknologi e-satelit tersebut," katanya.

NORHASHIM bergambar di ladang cili merahnya di Kampung Sijangang.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/2/2021	HARAKAH	FIKRAH	F1

# 2021 TAHUN PERTANIAN TERENGGANU

Tingkat tahap sara diri - *Dr Samsuri*



Oleh **KHAIRUL AZLAM MOHAMAD**

**KUALA TERENGGANU:** Kerajaan PAS Terengganu menasarkankan peningkatan tahap sara diri bagi bekalan makanan ruji padi negeri ini kepada 53 peratus bagi tahun 2021.

Menteri Besar Terengganu, Dato' Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar berkata, pertanian

adalah merupakan satu sektor yang sangat dekat dengan orang Terengganu.

Menurut beliau, bidang pertanian menyentuh tentang kehidupan rakyat dan juga masa depan negara.

"Bekalan makanan yang mencukupi akan menjamin kesejahteraan rakyat dan juga kemajuan sesebuah negara.

"Pada ketika ini, kita masih tidak cukup penghasilan makanan untuk keperluan sendiri. Oleh yang demikian, kita (kerajaan) menasarkankan peningkatan tahap sara diri padi bagi makanan ruji negeri Terengganu daripada 47 peratus kepada 53 peratus pada tahun 2021," ujarnya.

- Lanjut di Muka **F2**



# Tingkat tahap sara diri makanan ruji 53 peratus – Dr Samsuri

Oleh KHAIRUL AZLAM MOHAMAD

**KUALA TERENGGANU:** Kerajaan PAS Terengganu mensasarkan peningkatan tahap sara diri bagi bekalan makanan ruji padi negeri ini kepada 53 peratus bagi tahun 2021.

Menteri Besar Terengganu, Dato' Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar berkata, pertanian adalah merupakan satu sektor yang sangat dekat dengan orang Terengganu.

Menurut beliau, bidang pertanian menyentuh tentang kehidupan rakyat dan juga masa depan negara.

"Bekalan makanan yang mencukupi akan menjamin kesejahteraan rakyat dan juga kemajuan sesebuah negara.

"Pada ketika ini, kita masih tidak cukup penghasilan makanan untuk keperluan sendiri. Oleh yang demikian, kita (Kerajaan) mensasarkan peningkatan tahap sara diri padi bagi makanan ruji negeri Terengganu daripada 47 peratus kepada 53 peratus pada tahun 2021," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Pelancaran Tahun Pertanian Negeri Terengganu 2021 di Dewan Besar Wisma Darul Iman, Kuala Terengganu, 25 Januari lalu.

Hadir sama pada majlis itu, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Dr Azman Ibrahim.

Pada 23 Mac 2020, bersempena dengan Istiadat Pembukaan Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri (DUN) Terengganu ke-14, Duli Yang Maha Mulia, Sultan Terengganu, Tuanku Sultan Mizan Zainal Abidin telah bertitah bahawa tahun 2021 adalah Tahun Pertanian Negeri Terengganu.

Oleh itu, kata Dato' Seri Dr Ahmad Samsuri, dalam Belanjawan Terengganu 2021, kerajaan negeri telah mengumumkan peruntukan kepada sektor pertanian sebanyak RM20 juta berbanding hanya RM8 juta pada tahun 2020 lalu.

"Pelaksanaan tindakan untuk membolehkan lonjakan perkembangan dalam bidang pertanian negeri ini telah dirangka. Pertama, meningkatkan purata pendapatan petani kepada RM3,000 sebulan bagi sebuah isi rumah.

"Kedua, meningkatkan sumbangan sektor pertanian kepada 10 peratus daripada

Jumlah KDNK negeri dan Ketiga, meningkatkan jumlah guna tenaga dalam sektor pertanian 42,900 orang kepada 44,000 orang," jelasnya.

Menurutnya, sudah tentu penghasilan makanan dan pertanian berskala besar serta berteknologi tinggi ini boleh menjadi satu peluang kerjaya kepada generasi yang ada ketika ini.



Dato' Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar berkata, pertanian adalah merupakan satu sektor yang sangat dekat dengan orang Terengganu.



Dr Samsuri dan Dr Azman melakukan g/milik Pelancaran Tahun Pertanian Negeri Terengganu 2021.



Dato' Seri Dr Ahmad Samsuri... melancarkan Tahun Pertanian Negeri Terengganu 2021.



"BAGUS" ... Dr Samsuri dan Dr Azman menunjukkan isyarat bagus dengan Pelancaran Kalendar Tahun Pertanian Negeri Terengganu 2021.

## 602 lesen nelayan Zon A diluluskan

**KUALA TERENGGANU:** Berita gembira kepada warga nelayan pantai apabila sebanyak 602 lesen nelayan sampan Zon A telah diluluskan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan bagi seluruh negeri Terengganu.

Pengumuman itu dibuat oleh Menteri Besar Terengganu, Dato' Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar ketika merasmikan Pelancaran Tahun Pertanian Negeri Terengganu 2021 di Dewan Besar Wisma Darul Iman, Kuala Terengganu, 25 Januari lalu.

"Sepatutnya hari ini ada empat lagi agenda istimewa kepada para petani tetapi memandangkan kita tidak dibenarkan untuk mengada penyerahan secara fizikal sempena dengan PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) yang ada pada hari ini.

"Saya ingin mengumumkan yang pertama, sebanyak 602 nelayan sampan Zon A telah diluluskan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan untuk seluruh negeri Terengganu.

"Kedua, sebanyak RM300,000 insentif telah diperuntukkan kepada 173 peserta Malaysian Good Agricultural Practice (myGAP).

"Sebanyak RM333,000 diperuntukkan untuk 'pilot' projek Lembu Sado berkelompok, yang melibatkan seramai 10 peserta projek kandang berkelompok dan 13 orang peserta projek induk

"Sebanyak RM5.7 juta pembiayaan telah diberikan kepada 283 orang melalui Skim Bantuan Modal Tani (SBMT), di mana pinjaman ini bebas daripada sebarang faedah (bunga)," jelasnya.

Menurut beliau, masih terdapat 8,310 hektar tanah terblar yang belum diusahakan dan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) yang belum dimaksimumkan penggunaannya di negeri ini.

Justeru itu, kata Dr Samsuri, hasrat kerajaan negeri agar penggunaan tanah melalui penglibatan swasta dan syarikat berkaitan kerajaan GLC, petani, usahawan, belia dan golongan B40 dalam sektor pertanian dapat dimaksimumkan.

"Tahun 2021 ini, kita (kerajaan) mensasarkan pembangunan 156 hektar tanaman durian (Musang King) di seluruh negeri. 50 hektar tanaman Mango Variety MA128 (Harumanis) di daerah Setiu dan Besut, serta pembangunan Taman Tanaman Melon Manis Terengganu dengan peningkatan pengeluaran sebanyak 10 peratus berbanding tahun 2020," ujarnya.

Hadir sama pada majlis itu, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Dr Azman Ibrahim.